



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
09 MAC 2019 (SABTU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- | | |
|----------------|----|
| - MANA PERMIT? | 38 |
|----------------|----|

Berita Harian

- | | |
|--|----|
| - Highland Towers diroboh Jun depan: Zuraida | 23 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 MAC 2019 (SABTU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	MANA PERMIT?
Muka Surat	38



PEGAWAI PERHILITAN merampas ular yang digunakan untuk pertunjukan tanpa permit oleh seorang lelaki di Ampang, Selangor.

MANA PERMIT?

■ PERHILITAN rampas 11 ular pengjur pameran

Mohd Jamilul Anbia Md Denin
am@NSTP.COM.MY

Kuala Lumpur

Amaran! Ular akan dirampas serta-merta jika pemiliknya dikesan mengadakan pertunjukan tanpa mendapatkan permit pameran bergerak daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Ketua Pengarah PERHILITAN Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hasim berkata, sebarang pameran dan pertunjukan membabitkan haiwan liar dilindungi perlu mendapatkan permit daripada pihaknya.

Terbaru sepasukan pega-



PEGAWAI PERHILITAN Wilayah Persekutuan merampas ular.

wai PERHILITAN Wilayah Persekutuan merampas 11 ekor ular pelbagai spesies hasil pemeriksaan dilakukan di Ampang, Selangor.

Menurutnya, dalam operasi jam 5 petang, Selasa lalu, pihaknya menerima maklumat daripada orang awam

berhubung satu pameran hidupan liar diadakan di lokasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan, empat pegawai PERHILITAN mendapati seorang lelaki berusia 40-an menjalankan pameran ular tanpa permit pameran bergerak.

"Berikutan itu, beberapa spesies ular disita. Antaranya dua ular tedung senduk, ular tedung selar (1), ular sawa Burma (2), ular ponti (2), ular rusuk kerbau (1), ular sawa albino (1) dan ular ball python (1)," katanya.

Beliau berkata, hidupan liar dirampas itu dibawa ke Pejabat PERHILITAN Wilayah Persekutuan WPKL untuk tindakan lanjut.

"Saya nasihatkan pemilik ular memohon permit bagi pameran bergerak hidupan liar yang mahu diadakan.

"Biasanya permohonan perlu dihantar ke PERHILITAN Negeri untuk tujuan pemeriksaan premis. Sekiranya pemeriksaan memuaskan, baru ia dihantar ke Ibu Pejabat PERHILITAN untuk kelulusan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 MAC 2019 (SABTU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Highland Towers diroboh Jun depan: Zuraida
Muka Surat	23

Highland Towers diroboh Jun depan: Zuraida

84
9/3/19
M/S 23

Kondominium Highland Towers yang terdiri akan dirobohkan Jun depan.

Putrajaya: Highland Towers di Taman Hillview, Ulu Klang di ibu negara yang terdiri sejak 26 tahun lalu, dijangka dirobohkan selewat-lewatnya Jun depan bagi memberi laluan kepada pembangunan semula.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata jawatankuasa Pembangunan Semula Highland Towers sedang meneliti pihak mana yang mempunyai kuasa bagi merobohkan bangunan berkenaan.

"Setakat maklumat terkini yang saya terima, jawatankuasa itu sedang meneliti punca kuasa pihak mana, antara Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Semua laporan sudah siap, cuma sedang meneliti pihak mana antara dua agensi itu yang mempunyai kuasa merobohkan."

Bangunkan tapak rekreasi
"Pemaju juga sudah menyuraukan hasrat untuk menyumbang kiranya RM2 juta bagi kerja perrobohan itu. Saya harap perrobohan dapat dilaksanakan selewat-lewatnya Jun ini," katanya selepas Majlis Sambutan Hari Wanita Antara-bangsa 2019 peringkat kementeriannya, di sini semalam.

Ogos tahun lalu, beliau mendangangkan Highland Towers dibangunkan semula sebagai taman rekreasi kerana struktur tanah di kawasan tersebut tidak sesuai untuk pergunaan. Kawasan berkenaan terdiri selepas satu daripada tiga blok kondominium di situ runtu dalam tragedi yang meragut nyawa 48 orang pada 11 Disember 1993.

Dalam kenyataan berasmingan, Zuraida berkata, kementeriannya menyokong usaha menggalبun dan angkat kesaksamaan gender dan akan dibentangkan di Parlimen dengan segera, selaras ikram meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan dalam pembangunan negara.

Beliau yang juga Naib Presiden PKR, berkata ia termasuk usaha untuk terus membabitkan wanita dalam ekosistem pembangunan dirancang kementerian di bawah Dasar Komuniti Negara, Dasar Perumahan Negara 2019 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara.

"Kementerian sudah bersua sebelum ini bahawa wanita perlu diberi tempat dalam pentadbiran kerajaan tempatan agar setiap dasar dan keputusan dibuat pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadi lebih inklusif dan peka terhadap kehendak setiap golongan masyarakat," katanya.

Zuraida berkata, wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan sejagat sebagai tunjang kepada peradaban dunia, selain telah membuktikan kemampuan sebagai penggerak kepada kemajuan ekonomi, budaya, sosial, pendidikan dan menjadikan faktor terpenting membina negara maju.

Babitkan wanita dalam pelbagai hal
"Kementerian akan memastikan wanita mendapat tempat dalam segala hal berkaitan pembangunan, terutama dari sudut peningkatan taraf hidup dalam komuniti. Wanita juga akan dibabitkan secara langsung dalam perencanaan kehidupan bermasyarakat," katanya.

Justeru, katanya, kementerian berharap ada perubahan positif mengangkat martabat wanita di seluruh negara, terutama dalam hal pembangunan komuniti dan infrastruktur yang lebih holistik dan inklusif.

"Keupayaan sebuah negara mencapai sasaran dalam matlamat pembangunan mampu perlu pembabitan semuam pihak. Wanita adalah pemegang taruh penting dalam menjayakan agenda ditegakkan," katanya.